

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

TEL: 2939011

Bil. (15)JK/MA 16 Jld (ii)

29hb April, 1991

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. 4 Tahun 1991

Prosedur Kes-Kes Tuntutan Kecil

Saya telah diarahkan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk menarik perhatian tuan/puan kepada peruntukan di bawah Aturan 54 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 mengenai prosedur kes-kes tuntutan kecil.

2. Adalah difahamkan bahawa adanya keliruan pemikiran berkaitan dengan Kaedah 7 kepada Aturan 54, iaitu sama ada untuk membenarkan atau tidak kehadiran peguambela bagi mewakili pihak defendan jika ianya adalah sebuah syarikat atau pertubuhan perbadanan.

3. Apa yang menjadi isu ataupun kekeliruan di dalam perkara ini adalah persefahaman maksud Kaedah 7 tersebut yang memperuntukan bahawa mana-mana pihak tidak boleh diwakili oleh seorang peguam. Seterusnya, Kaedah 7 tersebut juga memperuntukan bahawa defendan hanya boleh diwakili oleh seorang peguambela atau mana-mana orang diberikuasa jika dikehendaki oleh undang-undang.

4. Sila ambil maklum bahawa jika seorang defendan dalam kes yang dibawa di bawah Aturan 54 adalah sebuah syarikat atau pertubuhan perbadanan, ianya boleh diwakili oleh seorang individu yang berkhidmat dengannya sebagai seorang pekerja sepenuh masa dan individu berkenaan boleh mewakili syarikat atau pertubuhan perbadanan berkenaan dalam apa-apa perkara atau pembicaraan di mana syarikat atau pertubuhan itu adalah suatu pihak (sila lihat seksyen 38(1)(d) Akta Profesion Undang-Undang 1976).

5. Jika defendan berkeenaan memohon kepada mahkamah bahawa beliau dikehendaki diwakili oleh seorang peguambela, ianya perlu meyakinkan mahkamah bahawa undang-undang yang berkaitan dengan tuntutan plaintif menghendaki ianya diwakili oleh seorang peguambela. Beban membuktikan (onus) adalah ke atas pihak defendan dan jika defendan tidak boleh meyakinkan demikian ianya tidak boleh diwakili oleh seorang peguambela.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.:

1. Y.A.A. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.
2. Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.
3. Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Borneo,
93506 Kuching.
4. Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu,
88809 Kota Kinabalu.
5. Semua Hakim,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.
6. Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Semenanjung Malaysia.

Persidangan Mahkamah Agung
Jalan Kebajikan
Taman Sultan Abdul Samad
5045 Kuala Lumpur